

SOALAN NO:66

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN .ISAN

DARIPADA Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

TARIKH .5 Mac 2016

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan kenapa harga pasaran beras (jenis 5% beras pecah) di Thailand hanya lebih kurang RM1.50 sekilo tetapi harga runcit beras jenis yang sama yang dijual di Malaysia adalah lebih kurang RM2.60 sekilo. Kenapa Kementerian tidak membatalkan hak monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk mengimport beras ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Harga beras di pasaran Thailand tidak wajar dibandingkan dengan harga-harga beras tempatan di dalam negara. Ini kerana, Thailand merupakan antara negara Pengeksport utama beras dunia (*nett exporter*) yang pasaran domestiknya mengalami lebih stok sementara Malaysia adalah negara pengeluar yang menfokuskan keselamatan jaminan makanan supaya mencapai tahap sara diri (*self-sufficiency level* - SSL). Di bawah Dasar Agromakanan Negara 2011- 2020, Kerajaan menetapkan SSL beras negara pada tahap 70% di mana kini berada di tahap 71.6%.

Dalam memastikan kepentingan bekalan beras tempatan terpelihara, Kerajaan mengawal dan menetapkan harga beras tempatan agar ianya stabil dan memberi pulangan yang berpatutan kepada para petani. Secara asasnya, Kerajaan menetapkan bahawa harga beras import tidak boleh dijual dengan lebih rendah daripada harga beras tempatan. Ketetapan ini merupakan usaha Kerajaan untuk memastikan pasaran bagi bekalan beras tempatan sentiasa diutamakan.

Harga jualan runcit beras tempatan telah ditetapkan seperti berikut, manakala tiada kawalan dikenakan ke atas harga jualan beras runcit import.

- i. Super Spesial Tempatan 5%, harga maksimum RM26.00 bagi setiap beg 10kg; dan**
- ii. Super Spesial Tempatan 10%, harga maksimum RM24.00 bagi setiap beg 10kg.**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Perjanjian Konsesi Penswastaaan antara Kerajaan dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang berkuatkuasa dari 11 Januari 2011 sehingga 10 Januari 2021, BERNAS diberi hak eksklusif untuk mengimport beras selain menunaikan 5 obligasi sosialnya, iaitu:

- i. mengekal, menyelenggara dan menguruskan stokpail padi/beras dengan jumlah yang ditentukan oleh Kerajaan;**
- ii. mengurus semua Pusat Pembelian Padi;**
- iii. menjadi Pembeli Terakhir Padi daripada petani;**
- iv. menguruskan Skim Subsidi Harga Padi; dan**

v. menguruskan Skim Kilang-Kilang Bumiputera yang merangkumi Skim Upah Kisar, Skim Upah Mengering dan Kisar serta Skim Pusat Belian.

Pemberian hak pengimport tunggal beras kepada BERNAS merupakan satu mekanisme pengawalan import yang dilihat berkesan di dalam menjaga jaminan bekalan makanan dan kestabilan pasaran beras dalam negara. Sehingga kini, BERNAS telah melaksanakan obligasi sosialnya dengan baik dan Kementerian sentiasa memantau perkembangan industri padi dan beras agar kepentingan *stakeholders* termasuk petani dan pengguna terpelihara.

Kementerian memberikan keutamaan yang tertinggi ke atas industri makanan ruji negara ini dan akan terus memantau perkembangannya di dalam memastikan bekalan makanan negara adalah terjamin.

